

**WAWANCARA BERHUBUNG ISU PERKAHWINAN MISYAR
BERSAMA
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

1. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkahwinan misyar?

Perkahwinan misyar sebenarnya adalah sama seperti perkahwinan biasa yang lain. Ia perlu dilaksanakan dengan memenuhi syarat rukun nikah iaitu wali, bakal suami, bakal isteri, dua saksi serta akad (ijab dan qabul).

Namun begitu, kedua pihak iaitu suami dan isteri telah membuat perjanjian dan persetujuan bersama di luar akad nikah iaitu si isteri dengan redha atau rela hati melepaskan sebahagian tanggungjawab suami terhadapnya seperti penyediaan tempat tinggal, nafkah zahir dan lain-lain yang sepatutnya disediakan oleh suami kerana merasakan ia berkemampuan untuk menampung kehidupan dirinya.

Menurut Dr. Abdul Bari az-Zamzami, Ahli Jawatankuasa Lujnah Ulama' Maghribi, menyatakan bahawa, nikah misyar dilaksanakan mengikut syarat rukunnya sepertimana pernikahan biasa di mana isteri bersetuju untuk melepaskan sebahagian tanggungan (hak yang wajib) suami.

2. Adakah perkahwinan misyar sudah pun berlaku di Malaysia?

Kebanyakan perkara yang berlaku berkaitan perkahwinan misyar ini adalah melibatkan golongan seperti mereka yang bermusafir atau berada lama di sesebuah negara dengan sebab melancong dan sebagainya.

Terdapat juga ahli perniagaan atau para pelabur asing serta golongan profesional yang bertugas di luar negara dalam tempoh yang agak panjang, yang mungkin terikat dengan perjanjian atau kontrak perniagaan. Mereka ini ada yang telah berkahwin dan mempunyai isteri di negara asal, tetapi melakukan perkahwinan misyar adalah bagi tujuan untuk mengelakkan dari berlakunya perzinaan.

Walaupun perkahwinan seperti ini telah berlaku di negara-negara lain seperti di Timur Tengah, namun berdasarkan rekod yang sedia ada, ia belum lagi berlaku di Negeri Selangor mahu pun di negara kita.

3. Betulkah suami yang berkahwin misyar tidak perlu memberi nafkah zahir, tetapi cukup dengan memberikan nafkah batin sahaja?

Dalam membicarakan persoalan ini, kita perlu bersikap terbuka dan berlapang dada. Adalah jelas dalam Islam bahawa tanggungjawab seorang suami terhadap isterinya terutama dalam menunaikan nafkah asas seperti menyediakan tempat tinggal dan keperluan lain seperti makanan dan pakaian tidak gugur sama sekali.

Namun sekiranya si isteri redha kerana merasakan dirinya lebih berkemampuan dari suaminya, ia tidak menjadi satu kesalahan di pihak suami. Contohnya, si isteri itu adalah seorang wanita yang kaya, berharta dan berkerjaya tinggi, ia berkahwin dengan lelaki yang tidak berharta tetapi mempunyai peribadi dan akhlak mulia yang boleh memberi kasih sayang, membimbing serta mendidik isterinya dengan kefahaman dan penghayatan agama yang baik.

Maka dalam situasi ini, si isteri merasa tanggungjawab suami untuk membimbing dan mendidik dirinya dalam kehidupan beragama itu lebih penting dan utama dari keperluan yang lain dan ia redha dengan keadaan suaminya yang kurang berkemampuan dari segi kewangan, maka ia tidak menjadi satu kesalahan dalam agama untuk kita menerimanya.

Begitu juga dalam pernikahan biasa yang berlaku dalam masyarakat kita pada masa kini. Kebanyakan pasangan suami isteri mempunyai kerjaya masing-masing. Si isteri keluar berkerja dengan izin suami untuk membantu dan bersama-sama bagi meringankan beban suami dalam melayari bahtera kehidupan. Dalam masa yang sama si isteri merasa redha dengan sebahagian pendapatan yang diterimanya adalah bagi tujuan menampung perbelanjaan kehidupan pasangan berkenaan. Adakah ini juga menjadi satu kesalahan?

4. Atau mungkinkah suami memadai tinggal di rumah isteri untuk satu atau dua malam dalam seminggu atau sebulan atau setahun?

Menyentuh perkara ini, ia terbahagi kepada dua. **Pertama**, adakah isteri yang dinikahnya secara misyar itu adalah isteri pertamanya dan pernikahan itu adalah pernikahan yang pertama bagi pasangan tersebut? Dalam hal ini, ia tidak menjadi satu isu atau persoalan kerana si suami akan tinggal bersama-sama dengan isterinya di rumah isterinya sepanjang masa.

Kedua, sekiranya isteri yang dinikahnya secara misyar itu merupakan isterinya yang kedua, ketiga atau keempat (dengan kata lain berpoligami), ia akan membawa kepada 2 perbincangan yang berbeza sekiranya ia berkahwin dengan anak dara atau janda.

Sekiranya ia berkahwin dengan **anak dara**, bagi giliran yang pertama, si suami perlu bersama-sama dengan isterinya selama 7 hari 7 malam berturut-turut tanpa perlu diganti tempoh giliran tersebut dengan isteri-isteri yang lain. Perlu diingat tempoh 7 hari ini adalah bagi giliran kali pertama sahaja sesudah akad nikah.

Sebaliknya, sekiranya ia bernikah dengan **janda**, bagi giliran yang pertama sesudah akad nikah adalah selama 3 hari 3 malam berturut-turut tanpa perlu diganti gilirannya dengan isteri-isteri yang lain.

Bagi giliran yang seterusnya, suami perlu memberikan giliran yang sama rata terhadap semua isterinya. Sama ada setiap 2 hari, 3 hari atau seterusnya. Tetapi sekiranya suami hendak menetapkan giliran melebihi 3 hari kepada semua isterinya, ia perlu mendapat persetujuan bersama.

Atau pun dalam situasi yang lain, si isteri memberi keizinan kepada suaminya dan redha ia mendapat giliran yang sedikit dengan sebab sudah lanjut usia atau mempunyai keuzuran. Contohnya, dalam satu riwayat menyatakan bahawa, Saudah (salah seorang isteri Rasulullah s.a.w.) telah memberikan haknya (gilirannya) kepada Saidatina Aisyah ketika mana beliau telah lanjut usia.

5. Bagaimana nasib wanita yang berkahwin misyar?

Institusi perkahwinan merupakan sebuah institusi yang mulia, yang perlu disemai dan dipelihara dengan benih-benih kasih sayang. Suami mempunyai tanggungjawab terhadap isteri dan keluarganya, begitu juga isteri mempunyai tanggungjawabnya. Ikatan perkahwinan ini ibarat satu kehidupan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Segala kelebihan dan kekurangan pasangan suami isteri akan ditampung bersama.

Begitu juga dalam ikatan perkahwinan yang biasa dalam masyarakat kita hari ini. Apa yang penting sekiranya setiap pasangan itu mempunyai persefahaman yang baik, saling bertolak ansur, hormat menghormati antara satu sama lain, institusi perkahwinan itu akan sentiasa terpelihara. Saya percaya, bagi setiap pasangan yang berkahwin mereka menginginkan kehidupan yang bahagia dan kekal sepanjang hayat.

Oleh kerana perkahwinan misyar ini sah dari pandangan Islam, maka ia tidak boleh disamakan dengan dakwaan bahawa pernikahan ini mempunyai persamaan dengan amalan seks bebas yang jelas bertentangan dengan Islam seperti mana pandangan sesetengah pihak.

Perkahwinan misyar merupakan satu pilihan (*option*) di mana ianya terletak di tangan wanita itu sendiri yang melihat kepada keperluan untuk melaksanakan perkahwinan tersebut. Seharusnya wanita tersebut perlu lebih bersedia dari segi mental untuk menangkis tanggapan serong masyarakat terhadap dirinya.

Dalam hal ini, tidak timbul persoalan nasib wanita yang berkahwin misyar. Perkahwinan misyar berbeza dengan perkahwinan mut'ah. Perkahwinan misyar dilaksanakan mengikut syarat rukunnya tanpa dihadkan tempoh waktu, manakala perkahwinan mut'ah dilaksanakan dalam tempoh waktu yang telah ditentukan (kahwin kontrak). Perkahwinan mut'ah pernah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. namun ia telah pun diharamkan oleh Islam.

Dari satu sudut yang positif, perkahwinan misyar ini dapat mengurangkan bilangan wanita profesional yang sukar mencari jodoh / tidak berkahwin. Melalui perkahwinan, kehidupan mereka menjadi lebih sempurna, mengelakkan dari timbulnya fitnah serta mendapat perhatian dan kasih sayang dari seorang lelaki yang bernama suami.